

03 OCT 2003

Mahathir-Suhakam

SUHAKAM TIADA KUASA DALAM SETIAP HAL, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) -- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan segala hal di negara ini tetapi ia boleh memberi pandangan berhubung hal-hal hak asasi manusia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Suhakam tiada kuasa untuk memutuskan sama ada rapat umum boleh diadakan atau tidak semasa pilihan raya umum akan datang tetapi yang mempunyai kuasa itu ialah polis, memandangkan kelulusan permit untuk mengadakan rapat umum adalah di tangan polis.

"Sebenarnya sama ada boleh (adakan) rapat umum ataupun tidak, bukan boleh ditentukan oleh Suhakam.

"Kalau jadi apa-apa, apakah Suhakam nak jaga keamanan, kalau jadi perkelahian antara orang yang mengambil bahagian bertumbuk, takkan Suhakam nak jaga, yang jaga polis. Jadi dia (polis) bagi pendapat dia sudahlah," kata beliau.

Beliau berkata demikian di persidangan berita di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) 2003, apabila ditanya mengenai kenyataan Suhakam bahawa parti-parti politik harus dibenar mengadakan rapat umum semasa persiapan bagi pilihan raya umum akan datang.

"Suhakam tidak harus menganggap dirinya sebagai mempunyai kuasa pemutus terhadap apa-apa yang ia "nampak "," kata beliau lagi.

Kepada satu lagi soalan, beliau berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) bebas untuk memulakan siasatan terhadap sesiapa sahaja yang ia percaya telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang.

Dr Mahathir menjawab demikian apabila diminta mengulas mengenai langkah BPR memulakan siasatan terhadap 14 Anggota Parlimen yang didakwa membuat tuntutan perjanaan melampaui RM10,000 sebulan yang dianggap sebagai tidak munasabah.

"Itu memanglah, kalau dia buat benda yang salah kita akan siasat, soal siapa tidak timbul," kata beliau.

-- BERNAMA

SR ZS PR